



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Bernazar Dengan Perkara Wajib, Haram, Mubah Dan Makruh

(Bilangan 308)

(Dengan na`ma Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu `alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Nazar merupakan salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Melalui nazar seseorang itu mewajibkan ke atas dirinya sesuatu amalan kebajikan dengan kerelaan hati serta niat yang tulus ikhlas lagi bersih semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Pada dasarnya, perkara yang dinazarkan ialah perkara-perkara yang disunatkan oleh syara' seperti berpuasa sunat, bersedekah, menunaikan umrah dan sebagainya. Nazar yang seumpama ini wajib ditunaikan. Jika ditunaikan, maka orang yang bernazar itu akan mendapat ganjaran pahala. Manakala jika dia tidak menunaikannya, maka wajib ke atasnya melakukan *kaffarah*.

Tetapi timbul persoalan, bagaimana jika perkara yang dinazarkan bukan terdiri daripada perkara-perkara yang disunatkan oleh syara'? Contohnya bernazar dengan perkara yang sememangnya diwajibkan oleh syara' seperti sembahyang lima waktu, bernazar dengan perkara yang dimakruhkan seperti berpuasa sepanjang tahun atau bernazar dengan perkara *mubah* (harus) seperti makan dan minum? Maka penjelasan mengenainya akan dikupas oleh ruangan Irsyad Hukum kali ini.

Perkara Yang Dinazarkan Adalah Rukun Nazar

Selain daripada *An-nadzir* iaitu orang yang bernazar dan *ash-shighah* iaitu lafaz (nazar), *al-mandzur* iaitu perkara yang dinazarkan juga merupakan antara rukun nazar.

Al-Mandzur iaitu perkara yang dinazarkan terbahagi kepada empat:

- i. Perkara yang berupa ketaatan.
- ii. Perkara yang berupa dosa atau maksiat.
- iii. Perkara yang *mubah* iaitu perkara yang diharuskan.
- iv. Perkara yang makruh.

Perkara yang berupa ketaatan

Bernazar pada perkara yang berupa ketaatan terbahagi kepada **dua**:

- a. **Perkara yang wajib dikerjakan menurut syara'**, umpamanya sembahyang lima waktu, puasa Ramadhan, mengeluarkan zakat dan sebagainya.

Seseorang yang bernazar pada perkara-perkara tersebut dihukumkan **tidak sah nazarnya** itu, kerana perkara tersebut sememangnya sudah diwajibkan oleh syara' ke atas dirinya. Begitu juga tidak sah bernazar pada meninggalkan perkara-perkara yang diharamkan oleh syara', seperti bernazar meninggalkan meminum *khamr* (arak) atau bernazar untuk tidak mencuri, dan **tidak dikenakan kaffarah jika dia tidak menunaikan nazar** tersebut.

- b. **Perkara-perkara yang disunatkan oleh syara'** melakukannya, seperti berpuasa sunat, sembahyang sunat, bersedekah, beri'*tikaf*, menziarahi orang sakit, memberi salam sesama muslim, mendoakan orang bersin dan sebagainya.

Bernazar pada perkara-perkara sedemikian dihukumkan **sah dan wajib ditunaikan**.

Ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan dari ‘Aisyah *Radhiallahu ‘anha*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “Barangsiapa bernazar untuk melakukan ketaatan kepada Allah Subhanahu wa Ta‘ala, maka taatlah kepadaNya (tunaikanlah nazar itu), dan barangsiapa bernazar untuk melakukan maksiat kepadaNya, maka janganlah dia melakukan maksiat itu (janganlah dia menunaikan nazarnya itu).”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Perkara yang berupa dosa atau maksiat

Tidak sah bernazar pada perkara yang berupa maksiat atau dosa, seperti bernazar meminum *khamr* (arak), melakukan zina, membunuh dan apa-apa jua perkara yang dihukumkan haram, malah **haram hukumnya jika dilaksanakannya**. Dia juga **tidak dikenakan kaffarah** jika dia tidak menunaikannya.

Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh ‘Imran bin Hushain *Radhiallahu ‘anhu*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “Tidak boleh melaksanakan nazar dalam perkara maksiat, dan tidak juga dalam perkara yang tidak dimiliki oleh seorang hamba).”

Dan menurut riwayat Ibnu Hujr: “Tidak boleh bernazar dalam perkara maksiat kepada Allah.”

(Hadis riwayat Muslim)

Selain dari itu, bernazar pada perkara maksiat akan menyebabkan berlakunya pelanggaran kepada perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, sedangkan maksud atau tujuan nazar adalah untuk menghampirkan diri kepadaNya bukan untuk menjauhiNya dengan melakukan perkara-perkara yang dilarang.

Perkara yang diharuskan (*mubah*)

Mubah ialah perkara yang diharuskan dan jika ditinggalkan tidak berdosa, seperti makan, minum, duduk, berdiri, tidur dan sebagainya. Bernazar pada perkara-perkara *mubah* sama ada bernazar untuk melakukannya atau tidak melakukannya, hukumnya tidak sah dan tidak dikenakan *kaffarah* jika mengingkarinya, kerana melakukan atau meninggalkan perkara *mubah* tidak dikatakan sebagai *taqarrub*.

Perkara ini disebutkan di dalam hadis Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

()

Maksudnya: “Tidak sah nazar kecuali bernazar pada perkara yang dapat memperolehi keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.”

(Hadis riwayat Abu Daud)

Perkara yang makruh

Tidak sah hukumnya bernazar pada perkara-perkara yang makruh. Umpamanya bernazar untuk berpuasa sepanjang tahun bagi orang yang dikhuatiri akan mendatangkan kemudharatan ke atas dirinya atau boleh menghilangkan hak orang lain seperti hak isterinya yang bertanggung ke atas dirinya.

Kaffarah Nazar

Kaffarah adalah denda yang wajib dibayar kerana melanggar suatu ketentuan syara' (yang mengakibatkan dosa), dengan tujuan untuk menghapus atau menutup dosa tersebut sehingga tidak ada lagi pengaruhnya atau kesan dosa itu baik di dunia mahupun di akhirat.

Adapun tujuan *kaffarah* diwajibkan ke atas seseorang yang melakukan dosa tertentu adalah sebagai hukuman atau denda kepadanya kerana melanggar ketetapan syara' dan menjadi peringatan untuk tidak akan mengulang kesalahan yang sama pada masa akan datang, namun tidak semua dosa dapat dihapuskan dengan *kaffarah*.

Hukum *kaffarah* adalah wajib kepada orang yang melakukan kesalahan tertentu sahaja, antaranya tidak melaksanakan nazar.

Kaffarah nazar itu sama dengan *kaffarah* sumpah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Uqbah bin 'Amir *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

()

Maksudnya: “*Kaffarah (denda) nazar sama dengan kaffarah (denda) sumpah.*”

(Hadis riwayat Muslim)

Kaffarah sumpah dan nazar ialah:

- (1) Memberi makan sepuluh orang miskin dengan makanan dari jenis sederhana yang biasa diberikan oleh orang yang membayar *kaffarah* itu (jenis makanan) kepada keluarganya.
- (2) Atau memberi pakaian sepuluh orang miskin dengan sesuatu yang dinamakan pakaian, seperti baju, kain sarung, serban dan sebagainya.
- (3) Atau memerdekakan hamba.

Orang yang dikenakan *kaffarah*, boleh memilih salah satu di antara tiga perkara yang tersebut.

- (4) Jika dia tidak berkemampuan untuk melakukan salah satu dari tiga jenis perkara yang tersebut, maka wajiblah dia berpuasa selama tiga hari.

Yang dimaksudkan dengan tidak berkemampuan itu ialah tidak berdaya untuk mengadakan harta bagi membayar *kaffarah* tersebut, seperti orang yang mempunyai harta, tetapi hanya mencukupi untuk orang yang di bawah tanggungannya.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Tafsirnya: “Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan jagalah (peliharalah) sumpah kamu.”

(Surah Al-Ma'idah: 89)

Maka jelasnya, tidak boleh dan tidak sah bernazar dengan perkara-perkara yang wajib, haram, *mubah* dan makruh. Perkara yang dinazarkan hanya dibolehkan dan sah pada perkara-perkara yang disunatkan oleh syara'. Manakala jika orang yang bernazar tidak menunaikan nazarnya, maka wajib ke atasnya melakukan *kaffarah*.